

# Aliah <sup>9</sup> tarik diri

20 NOV 1999

**K**UALA SELANGOR 19 Nov.— Calon Barisan Nasional (BN) Selangor bagi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Gombak Setia, Aliah Mohd. Salleh, hari ini menarik diri secara sukarela daripada bertanding pada pilihan raya umum ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata, penarikan diri tersebut bukan kerana takutkan calon Pas, Datuk Ismail Kamus, yang bertanding di kawasan itu tetapi ia merupakan strategi terbaru BN.

Katanya, BN Selangor telah pun memaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berhubung keputusan yang dibuat oleh Aliah, tengah hari ini.

Bercakap kepada para pemberita di sini petang ini, Abu Hassan menambah, dengan keputusan Aliah itu, BN Selangor memilih Setiausaha UMNO bahagian Gombak, Abdul Ghani Yatim sebagai calon baru.

Menteri Besar berkata,

penarikan diri bekas Pengerah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) Selangor itu juga tidak ada kaitan dengan desakan daripada UMNO Gombak yang meminta pertukaran calon mereka.

Semalam, Aliah diumumkan sebagai calon bagi kerusi Gombak Setia bagi menggantikan Datin Paduka Rakibah Abdul Manap yang digugurkan daripada senarai calon BN Selangor.